



Kajian Pendidikan Anak-Anak Orang Asli di Sekolah Kebangsaan Cherana Puteh, Melaka

Kamarudin Abu Hassan, PhD, Abdul Salam Mohamed Ibrahim & Senin Khamis, Azizah Maamor, Rusitah Mohamed Norlaila Mohammad, Jailani Haji Hashim, Noor Aishah Aziz

Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu, Melaka
Sekolah Kebangsaan Cherana, Puteh, Melaka
Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Melaka

Article Info

Received:
14 September 2019

Accepted:
25 September 2019

Publish
01 September 2020
e-ISSN 2682-759X

Abstrak

Fokus kajian ini adalah untuk menganalisis aspek pendidikan anak-anak orang Asli di Sekolah Kebangsaan Cherana Puteh, Melaka (SKCP). Data dikumpulkan melalui dokumen dan temu bual dengan Guru Besar, Guru Penolong Kanan, Guru Penyelaras dan guru-guru SK CP. Pengkaji juga memperolehi dokumen mengenai pendidikan anak-anak Orang Asli dari Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Melaka. Perkampungan Orang Asli di Negeri Melaka meliputi Kampung Orang Asli Bukit Payong Taboh Naning, Alor Gajah, Kampung Orang Asli Gapam Bemban, Kampung Orang Asli Solok Terentang Selandar Jasin, Kampung Lubok Bandung Simpang Bekoh Asahan, Kampung Orang Asli Telok Tongkah, Kampung Orang Asli Tebong Station dan Kampung Orang Asli Gapam Baru Bukit Seraya (Baru) Simpang Bekoh Asahan Melaka. Mengikut data 2019, anak-anak orang Asli yang berdaftar ke sekolah rendah di Melaka seramai 318 orang meliputi daerah Alor Gajah 150 orang, Jasin 112 orang dan Melaka Tengah 46 orang. Manakala anak orang Asli yang bersekolah di sekolah menengah pula seramai 140 iaitu daerah Alor Gajah 62 orang, Jasin 45 orang dan Melaka Tengah 33 orang. Kajian ini hanya berfokuskan kepada Kampung Orang Asli Bukit Payong, Taboh Naning Melaka yang anak-anak mereka bersekolah di Sekolah Kebangsaan Cherana Puteh, Alor Gajah Melaka (SKCP). Perkampungan masyarakat Orang Asli di Bukit Payong jarak lokasi penempatan dengan sekolah SKCP adalah lebih kurang 5 km. Kebanyakan masyarakat Orang Asli bekerja sendiri (buruh, penoreh getah, pemandu lori dan berkebun) dan ada juga sebahagian kecil yang bekerja kilang dan menjadi pekerja pembersihan di ADTEC, UniKL dan CREATE (JKR). Isu pendidikan Anak Orang Asli di SKCP ialah ketidakhadiran murid ke sekolah, tidak bersekolah, masalah keciciran, sikap dan komitmen ibu bapa masyarakat orang Asli terhadap pendidikan, masalah kewangan, tanggungjawab JAKOA. Oleh itu, isu-isu pendidikan anak orang Asli di Melaka memerlukan komitmen kukuh daripada pihak persekutuan, JAKOA, Jabatan Pendidikan Negeri Melaka, pihak sekolah, PIBG, Komuniti setempat dan kesedaran anak-anak orang Asli itu sendiri.

Kata kunci: Orang Asli, pendidikan, ketidakhadiran, keciciran, JAKOA

Pengenalan

Kemiskinan menjadi isu utama masyarakat Orang Asli. Isu ini sering dikaitkan sebagai punca atau penghalang kepada isu-isu pembangunan Orang Asli yang lain khususnya isu pendidikan serta kesihatan. Kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli dikatakan turut memberi impak kepada negara secara umumnya. Berdasarkan beberapa kajian yang dijalankan, pergantungan terhadap sumber-sumber ekonomi tradisional merupakan faktor utama yang menghalang kepada usaha perkembangan tahap pendapatan serta kualiti hidup yang lebih baik. Hasil kajian menunjukkan aktiviti ekonomi masyarakat Orang Asli masih berbentuk sara diri dan 'cukup hidup.' Sumber hutan menjana faedah ekonomi dengan kegiatan ekonomi seharian yang menyumbang kepada pendapatan dan kegiatan lain. Mencari kayu gaharu, menoreh getah dan menganyam adalah aktiviti ekonomi yang menghasilkan pendapatan bagi masyarakat tersebut. Walau bagaimanapun, sejak beberapa dekad ini aktiviti ekonomi masyarakat tersebut telah mengalami perubahan, iaitu daripada mencari sumber hutan semata-mata kepada penglibatan dalam sektor kerajaan dan swasta.

Pendidikan dalam kalangan anak-anak orang Asli masih ketinggalan sejak dulu lagi dengan isu yang sama, iaitu ketidakhadiran dan tidak bersekolah. Walau bagaimanapun, taraf pendidikan dalam kalangan mereka telah meningkat sejak tahun 2007 terutama melalui usaha Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang telah meningkatkan kesedaran tentang pentingnya pendidikan. Aspek dan corak kehidupan mereka juga telah berubah dengan adanya penyediaan keperluan asas seperti kemudahan air, elektrik, surau dan sebagainya. Tambahan pula, penyerapan informasi dan komunikasi teknologi telah pun bermula dengan pengenalan komputer oleh segelintir masyarakat Orang Asli. Kampung Orang Asli ini kaya dengan pelbagai adat termasuk adat perkahwinan, perlantikan batin, adat kelahiran, adat kematian, pantang larang dan banyak lagi. Keunikan cara hidup dan hasil kraftangan Orang Asli ini menjadi daya tarikan pelancong tempatan mahupun luar negara.

Menerusi Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah menetapkan sasaran pengurangan kadar kemiskinan daripada 31 peratus pada tahun 2010 kepada 25 peratus pada tahun 2015. Sasaran ini meliputi peningkatan pendapatan kepada golongan sasaran yang berpendapatan RM2,300 ke bawah. Bagi mencapai sasaran tersebut, JAKOA telah merangka beberapa strategi dan pelan tindakan bagi pembangunan ekonomi masyarakat Orang Asli antaranya memperkasakan pendidikan dalam kalangan anak-anak Orang Asli.

Penduduk Orang Asli Di Negeri Melaka

Jumlah penduduk orang Asli di negeri Melaka meliputi 3 daerah iaitu Alor Gajah, Jasin dan Melaka Tengah seramai 1,515 orang pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, perkampungan orang Asli paling ramai melibatkan dua daerah sahaja, iaitu Daerah Alor Gajah dan Daerah Jasin.

Jadual 1 *Perkampungan Orang Asli di Daerah Alor Gajah Melaka*

BIL	DAERAH	NAMA KAMPUNG	DUN	PARLIMEN	KELUASAN KAMPUNG (HEKTAR)	K.I.R	A.I.R	JUMLAH
1	ALOR GAJAH	BUKIT PAYUNG	TABOH NANING	MASJID TANAH	109	121	410	531
2		BUKIT SEBANG	GADEK	ALOR GAJAH	6.52	16	40	56
3		MACHAP UMBOO	MACHAP JAYA	ALOR GAJAH	35.8	31	76	107
4		BUKIT BESAR	KUBANG BADAQ	ALOR GAJAH	48.86	14	47	61
5		KUBANG BADAQ	MACHAP JAYA	ALOR GAJAH	15.87	33	115	148
6		TEBONG STESYEN	MACHAP	ALOR GAJAH	18.98	15	49	64
7		BUKIT PUTUS	MACHAP JAYA	ALOR GAJAH	18.02 (ALOR GAJAH) 18.03 (JASIN)	19	37	56
8		HUTAN PERCHA	MACHAP JAYA	ALOR GAJAH	7.67	20	59	79
JUMLAH					260.72H	269	833	1102

Jadual 1 menunjukkan perkampungan penduduk orang Asli bagi daerah Alor Gajah, Melaka. Jumlah penduduk orang Asli bagi daerah Alor Gajah seramai 1,102 orang bagi data maklumat tahun 2019. Ianya melibatkan 8 buah kampung penduduk orang Asli di daerah Alor Gajah, Melaka. Di daerah Alor Gajah terdapat 9 perkampungan Orang Asli dengan jumlah penduduk 600 orang dan terdiri daripada 125 Ketua Isi Rumah (KIR). Kebanyakan Orang Asli di daerah Alor Gajah terdiri daripada suku kaum Temuan. Perkampungan Orang Asli yang terdapat di Alor Gajah ialah Kampung Bukit Payung, Kampung Bukit Sebang, Kampung Bukit Putus, Kampung Machap Umboo, Kampung Machap Umboo Dalam, Kampung Tebong Stesen, Kampung Kubang Badak, Kampung Air Dusun, dan Kampung Hutan Percha.

Jadual 2 pula menunjukkan perkampungan orang-orang Asli di daerah Jasin Melaka berdasarkan maklumat JAKOA Melaka.

Jadual 2 *Perkampungan Orang Asli di Daerah Jasin, Melaka*

BIL	DAERAH	NAMA KAMPUNG	DUN	PARLIMEN	KELUASAN KAMPUNG (HEKTAR)	K.I.R	A.I.R	JUMLAH
1	JASIN	AIR DUSUN	MACHAP	ALOR GAJAH	40.40 H	41	80	121
2		SOLOK TERENTANG	ASAHAN	ALOR GAJAH	44.14 H	36	123	159
3		GAPAM BARU	ASAHAN	ALOR GAJAH	55.42 H	72	158	230
4		BUKIT SERAYA	ASAHAN	ALOR GAJAH	44.12 H	24	74	98
5		LUBUK BANDUNG	RIM	JASIN	66.72 H	35	106	141
6		AIR SIALANG	ASAHAN	ALOR GAJAH	19.79 H	34	124	158
JUMLAH					288.62H	242	665	907

Jadual 2 menunjukkan perkampungan orang Asli bagi daerah Jasin negeri Melaka mengiku data terkini. Keseluruhan jumlah penduduk orang Asli di daerah Jasin adalah seramai 907 orang melibatkan 6 buah kampung. Antara perkampungan orang Asli negeri Melaka adalah seperti berikut:

Perkampungan orang Asli negeri Melaka yang mempunyai bilangan yang agak ramai di negeri Melaka adalah seperti berikut:

- a. Kampung Orang Asli Bukit Payong Taboh Naning Alor Gajah Melaka
- b. Kampung Orang Asli Gapam Bemban Melaka
- c. Kampung Orang Asli Solok Terentang Selandar Jasin Melaka
- d. Kampung Lubok Bandung Simpang Bekoh Asahan Melaka
- e. Kampung Orang Asli Telok Tongkah
- f. Kampung Orang Asli Tebong Station
- g. Kampung Orang Asli Gapam Baru Bukit Seraya (Baru) Simpang Bekoh Asahan Melaka

Walaupun bilangan penduduk Orang Asli negeri Melaka agak kecil jika dibandingkan dengan negeri lain tetapi sebagai penduduk asal pribumi di negara ini mereka juga perlu diberi peluang dalam pelbagai bidang terutama pendidikan.

Penyataan Masalah

Pendidikan penting dalam membentuk generasi muda ke arah membangunkan negara. Oleh itu, adalah perlu pihak yang bertanggungjawab memastikan semua kanak-kanak mendapat pendidikan asas, khasnya kaum minoriti yang tinggal di pedalaman dan kawasan terpinggir. Di Malaysia, pendidikan di peringkat sekolah rendah telah diwajibkan melalui Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) & Peraturan-Peraturan Terpilih (Hingga 15hb Disember 2003) seperti yang disebutkan di dalam Bab 2. Oleh itu, adalah wajar bagi KPM untuk memberi perhatian terhadap kemasukan kanak-kanak Orang Asli ke sekolah. Didapati masyarakat Orang Asli menghadapi masalah mendapatkan pendidikan yang terbaik dan berkualiti. Di sesetengah tempat, anak-anak Orang Asli tidak bersekolah langsung. Malah, ramai di antara mereka yang tidak menamatkan persekolahan kerana faktor-faktor dalaman dan luaran. Pelbagai faktor penyebab yang menyumbang kepada masalah isu pendidikan anak-anak orang Asli ini. Antaranya adalah penempatan mereka yang jauh di pedalaman, tiada kemudahan bersekolah, kemiskinan tegar, sikap ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak dan ketidakprihatinan agensi-agensi berkaitan dalam menangani isu-isu pendidikan kanak-kanak tidak bersekolah langsung.

Masalah yang dihadapi oleh murid sekolah kanak-kanak orang Asli ialah pengangkutan untuk ke sekolah. Menurut ibu bapa orang Asli menyatakan antara punca anak-anak mereka tidak ke sekolah ialah kerana masalah pengangkutan dan ketiadaan jalan penghubung ke kampung mereka. Selain itu, kenderaan yang disediakan untuk pergi ke sekolah adalah usang dan kerap rosak. Seperkara lagi, punca utama anak-anak orang Asli tidak bersekolah dan meneruskan persekolahan mereka kerana masalah dokumen. Pemerolehan Dokumen Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan Pemerolehan sijil kelahiran dan kad pengenalan adalah salah satu isu yang lama dan sehingga kini belum ada penyelesaiannya. Selain itu, bantuan peralatan dan kelengkapan persekolahan infrastruktur yang disediakan kerap kali tidak mencukupi dan tidak berkualiti. Peralatan dan bantuan kerap tidak sampai ke sekolah pada waktunya. Rancangan Makanan Tambahan (RMT) adalah satu program untuk membantu kanak-kanak dari keluarga yang miskin untuk hadir ke sekolah. Namun, kualiti makanan yang disediakan kerap kali didapati tidak memuaskan dan menepati menu yang disediakan.

Selain daripada itu juga, cara pengagihan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) ini kepada murid Orang Asli kerap dipersoalkan oleh ibu bapa mereka. Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) SUHAKAM mendapati ada pelbagai interpretasi berhubung cara pengagihan wang KWAPM ini oleh guru-guru sekolah sehingga menimbulkan rungutan dan syak wasangka oleh ibu bapa kerana tidak ada keseragaman dalam prosedur dan kaedah memberi bantuan wang ini. Keprihatinan Pengetua, Guru Besar dan Guru-Guru Ramai ibu bapa dan murid Orang Asli menyatakan bahawa terdapat pihak pentadbir sekolah dan guru tidak prihatin tentang kehadiran mereka di sekolah mahupun dalam kelas, khasnya di sekolah menengah. Mereka mengatakan terdapat segelintir pihak pentadbir dan guru yang mengeluarkan kata-kata dan tindak-tanduk yang membuatkan murid Orang Asli merasa terpinggir, terhina dan rendah diri. Ini merupakan salah tanggapan orang Asli kepada guru. Hakikatnya guru mendidik perkara yang sebenar tentang kehidupan masyarakat orang Asli tetapi mereka menganggap pentadbir

dan guru bersikap negatif. Sekolah yang ditadbir oleh Pengetua, Guru Besar dan guru-guru seperti ini memberi kesan kepada kehadiran murid Orang Asli.

Dalam pengajaran dan pembelajaran masih terdapat jurang pencapaian antara kanak-kanak arus perdana dengan kanak-kanak Orang Asli dalam penguasaan kemahiran membaca, menulis dan mengira. Murid-murid Orang Asli khususnya dari kawasan pedalaman menghadapi kesukaran memahami bahasa Melayu. Selain daripada itu, kurikulum yang sedia ada tidak mengambil kira perbezaan latar belakang kanak-kanak ini. Isu lain adalah penempatan Guru Besar dan guru-guru kerana terdapat pimpinan sekolah yang kurang komitmen dan motivasi ditempatkan di sekolah Orang Asli. Ibu bapa memaklumkan bahawa pihak pimpinan sekolah sering kali tiada di sekolah. Sekolah pula mempunyai ramai guru-guru baharu yang tidak berpengalaman mengajar dan mengurus sekolah. Akibatnya, banyak berlaku pelanggaran dasar dan ketidakpatuhan kepada arahan-arahan perintah am oleh kepimpinan sekolah dan guru-guru. Sikap ibu bapa dan murid Orang Asli menunjukkan ada dalam kalangan ibu bapa Orang Asli yang tidak memberi penekanan kepada pendidikan anak-anak mereka walaupun pelbagai usaha telah dijalankan oleh pelbagai jenis agensi kerajaan dan NGO. Terdapat ibu bapa yang mempunyai mentaliti subsidi yang tinggi sehinggakan kesemua perbelanjaan persekolahan anak mereka perlu ditanggung oleh kerajaan termasuk makan dan minum anak-anak mereka. Kanak-kanak yang tidak dapat bersekolah didapati tidak ada satu agensi pun yang mengumpul data mengenai kanak-kanak Orang Asli yang tidak dapat bersekolah atau yang tidak bersekolah. Oleh itu, tiada perancangan yang dibuat oleh mana-mana agensi untuk mengatasi isu kanak-kanak yang tidak dapat bersekolah atau yang tidak bersekolah khususnya di peringkat sekolah rendah.

Oleh itu, penduduk orang Asli perlu diberi peluang untuk mendedahkan diri mereka dalam kehidupan dunia luar. Sudah banyak dibelanja oleh kerajaan melalui pelbagai peruntukan sama ada kewangan dan kebendaan tetapi sikap mereka untuk mengubah diri agak sukar. Peluang dan ruang perlu diberi kepada mereka untuk keluar dari kepompong hidup keadaan primitif bermula daripada kemajuan dalam pendidikan supaya kerjaya mereka berubah.

Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat isu-isu permasalahan mengenai isu persekolahan kanak-kanak Orang Asli dan hak mereka terhadap pendidikan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:


- a. Mengetahui pasti isu-isu pendidikan anak-anak orang Asli di Melaka
- b. Mengetahui pasti enrolmen anak-anak orang Asli di Melaka
- c. Mengetahui pasti cadangan penambahbaikan permasalahan pendidikan anak-anak orang Asli di Melaka

Persoalan Kajian

Berdasar kepada objektif kajian, persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah isu-isu pendidikan anak-anak orang Asli di Melaka?
- ii. Apakah enrolmen anak-anak orang Asli di Melaka?
- iii. Bagaimana mengatasi permasalahan pendidikan anak-anak orang Asli di Melaka?

Kerangka Kajian



Rajah 1 Kerangka Kajian Pendidikan Anak Orang Asli SK Cherana Puteh Melaka

Tinjauan Literatur

Definisi Orang Asli menurut Akta Orang Asli 1954, Seksyen 3(1) mentakrifkan Orang Asli sebagai : (a) mana-mana orang yang bapanya ialah anggota kumpulan etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli, dan termasuk seorang keturunan melalui jurai lelaki orang itu; (b) mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa bayi oleh Orang Asli yang telah dilahirkan sebagai seorang Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan ialah anggota suatu masyarakat Orang Asli; (c) anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan

kepercayaan Orang Asli. Mengikut rekod Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), sehingga 2006 terdapat lebih kurang seramai 141,230 Orang Asli yang mewakili 0.6% daripada jumlah rakyat Malaysia. Orang Asli terbahagi kepada tiga kumpulan kaum iaitu kaum Negrito (terdiri dari enam suku kaum), Senoi (terdiri dari tujuh suku kaum) dan Melayu Proto (terdiri dari enam suku kaum). Setiap suku kaum ini mempunyai bahasa dan tradisi mereka sendiri.


Jadual 3: *Kategori Kaum dan Suku Kaum Orang Asli*

Kategori	Suku Kaum
Negrito	Kensiu, Kintak, Jahai, Lanoh, Mendriq & Batek
Senoi	Semai, Temiar, Jah Hut, Che Wong, Mah Meri, Semaq, Beri & Temog
Melayu Proto	Temuan, Semelai, Jakun, Orang Kanaq, Orang Kuala & Orang Seletar

Sumber: Jaringan Orang Asal Malaysia (JOAS) 2008

Jadual 3 pula menunjukkan perincian mengenai populasi 19 suku kaum berkenaan. Sesetengah daripada suku kaum ini agak besar populasinya, contohnya, ada lebih 30,000 orang dari suku kaum Semai dan lebih 20,000 orang dari suku kaum Temuan dan suku kaum Jakun. Walau bagaimanapun, suku kaum Mendriq, Lanoh, Bateq dan Jahut adalah suku kaum yang kecil. Bilangan mereka tidak melebihi 3,000 orang sahaja. Suku kaum yang kecil ini dikhuatiri akan pupus jika tiada bantuan dari pihak yang berwajib. Mengikut JHEOA, terdapat 79,155 orang kaum Senoi, 58,404 orang Melayu Proto dan 3671 orang Negrito pada tahun 2006.

Dasar Kerajaan dan Antarabangsa mengenai Pendidikan Orang Asli terdapat beberapa undang-undang di peringkat domestik dan antarabangsa yang menjamin hak pendidikan Orang Asli. Walaupun kebanyakan undang-undang kebangsaan tidak merujuk secara khusus kepada Orang Asli, namun secara umumnya ia menjamin hak pendidikan Orang Asli. Titi hak asasi di peringkat antarabangsa juga banyak yang menyebut mengenai hak pendidikan Orang Asli sama ada secara langsung atau tidak langsung. Berikut adalah beberapa perundangan dalam negara dan triti hak asasi manusia di peringkat antarabangsa yang berkaitan dengan hak pendidikan. 2.1 Perlembagaan Persekutuan Perlembagaan Persekutuan tidak merujuk secara khusus kepada hak pendidikan Orang Asli. Namun, ia menyatakan bahawa tiada sebarang diskriminasi dibenarkan dari segi kemasukan dan bantuan kewangan yang diberikan untuk tujuan pendidikan. Perkara 12: Hak berkenaan dengan pendidikan. (1) Tanpa menjejaskan keluasan Perkara 81, tidak boleh ada diskriminasi terhadap mana-mana warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan atau tempat lahir. (a) dalam pentadbiran mana-mana institusi pendidikan yang disenggarakan oleh suatu pihak berkuasa awam khususnya, kemasukan murid-murid atau pelajar-pelajar atau pembayaran yuran; atau (b) dalam memberikan bantuan kewangan daripada wang sesuatu pihak berkuasa awam bagi penyenggaraan atau pendidikan murid-murid atau pelajar di mana-mana institusi pendidikan (sama ada disenggarakan oleh suatu pihak berkuasa awam atau tidak dan sama ada di dalam atau di luar Persekutuan).



Rajah 2 Taburan kedudukan tiga kaum dan suku kaum orang Asli di Malaysia

Sumber: Center for Orang Asli Concern (COAC)

Rajah 2 menunjukkan taburan kedudukan tiga kaum dan suku kaum orang Asli di Malaysia. Jadual pula menunjukkan jumlah penduduk orang Asli mengikut kaum dan negeri di Semenanjung Malaysia bagi tahun 2010. Jumlah penduduk orang Asli mengikut suku kaum dan negeri bagi tahun 2010 seperti ditunjukkan dalam jadual 4.

Jadual 4 Jumlah penduduk Orang Asli mengikut kaum dan negeri bagi Tahun 2010

NEGERI	SUKU KAUM			JUMLAH
	NEGRITO	SENOI	MELAYU-PROTO	
Pahang	925	29,439	37,142	67,506
Perak	2,413	50,281	605	53,299
Kedah	251	19	0	270
Selangor	3	5,073	12,511	17,587
Kelantan	1,381	12,047	29	13,457
Terengganu	34	818	41	893
N. Sembilan	0	96	10,435	10,531
Melaka	1	28	1,486	1,515
Johor	1	55	13,083	13,139
Jumlah	5,009	97,856	75,332	178,197

Sumber: Sistem Maklumat e-Damak JAKOA, 2010

Jadual 4 menunjukkan jumlah penduduk orang Asli mengikut kaum dan negeri bagi tahun 2019. Terdapat tiga jenis suku kaum tinggal di Malaysia iaitu Negrito (5,009), Senoi (97,856 Orang dan Melayu-Proto (75,332). Jumlah keseluruhan mengikut data tahun 2010, jumlah penduduk orang Asli iaitu seramai seramai 178, 197 orang. Di negeri Melaka, jumlah penduduk orang Asli seramai 1,515 orang dan suku kaum Melayu-Proto paling ramai 1,486 orang mendiami dalam 3 daerah iaitu Alor Gajah, Jasin dan Melaka Tengah. Dalam kajian ini isu-isu pendidikan hanya difokuskan kepada pendidikan anak orang Asli yang tinggal di daerah Alor Gajah bersekolag di SK Cheranah Puteh.

Metodologi

Metodologi kajian menyentuh kepada aspek reka bentuk kajian, kaedah, persampelan, instrumen yang digunakan dan cara pemprosesan dan analisis data. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah tinjauan turut serta (*survey*). Pengkaji sendiri terlibat penyelidikan bersama dengan pengkaji lain termasuk guru-guru SKCP dan Pegawai JAKOA Melaka, Pengkaji menggunakan kaedah statistik diskriptif dan dan pelaporan kualitatif melalui temu bual dan analisis dokumen yang dijalankan. Persampelan kajian melibatkan seramai 5 orang guru terdiri pentadbir dan guru penolong kanan dan Guru HEM. Pengkaji juga menemubual 2 pegawai JAKOA untuk mendapatkan maklumat penduduk dan pendidikan anak-anak Orang Asli di negeri Melaka. Instrumen yang digunakan oleh pengkaji ialah senarai semak melalui dokumen yang dikumpulkan dan borang temu bual. Pengkaji menganalisis data menghasilkan data dan jadual bagi menjawab persoalan kajian.

Dapatan dan Perbincangan

Dalam kajian ini, pengkaji terdapat tiga persoalan kajian yang perlu bincangkan itu:

- i. Apakah isu-isu pendidikan anak-anak orang Asli di Melaka
- ii. Apakah enrolmen anak-anak orang Asli di Melaka
- iii. Bagaimana mengatasi permasalahan pendidikan anak-anak orang Asli di Melaka.

Apakah Isu-Isu Pendidikan Anak-Anak Orang Asli Di Melaka

Murid anak orang Asli peringkat sekolah rendah tahun 2019 di daerah Alor Gajah negeri Melaka seperti ditunjukkan dalam jadual 5.

Jadual 5 *Murid Orang Asli Peringkat Sekolah Rendah Tahun 2019 Alor Gajah Melaka*

SEKOLAH	TAHUN						PKHAS	JUM
	1	2	3	4	5	6		
Sk Cherana Putih	13	18	10	9	17	10	0	77
Sk Tebong	5	2	11	6	4	2	0	30
Sjkc Khiak Yew	2	3	3	3	2	2	0	12
Sjkc Machap Umboo	1	0	0	0	0	0	0	1
Sk Dato Naning	1	0	0	0	0	0	0	1
Sk Durian Tunggal	4	0	2	0	0	1	0	10
Sk Hutan Percha	1	0	2	1	4	4	0	4
Sk Kuala Linggi	1	0	0	0	0	0	0	1
Sk Menggong	0	2	0	3	0	1	2	7
Sk Othman Syawal	0	0	0	0	0	1	0	1
Sk Parit Melana	0	1	1	0	0	0	0	2
Sk Pulau Sebang	0	0	1	1	0	0	0	2
Sk Telok Berembang	0	1	0	0	0	1	0	2
JUMLAH	28	28	30	21	22	19	2	150

Dalam jadual 5 murid orang Asli yang menerima pendidikan di daerah Alor Gajah pada tahun 2019 melibatkan 13 buah sekolah daripada murid tahun 1 hingga murid tahun 6 dan murid pendidikan khas. Keseluruhan murid sekolah rendah murid anak orang Asli di daerah Alor Gajah seramai 150 orang. Bilangan murid orang Asli di SK Cherana Puteh Alor Gajah dari tahun 2017 hingga 2019 ialah 234 orang. Ini dapat ditunjukkan dalam jadual 6.

Jadual 6 Analisis Bilangan Murid Orang Asli SK Chelana Puteh Tahun 2017-2019

TAHUN	MURID LELAKI	MURID PEREMPUAN	JUMLAH MURID	MURID ISLAM
2017	42	39	81	12
2018	34	36	70	12
2019	41	42	83	15

Latar Belakang Pendidikan Murid Orang Asli SKCP

Murid Orang Asli di SK Cherana Puteh mendapat pendidikan awal persekolahan di Tadika Kemas yang terletak di perkampungan Orang Asli di Bukit Payong. Tenaga pengajarnya adalah guru yang dilatih oleh pihak Kemas. Murid Orang Asli mendapat pendidikan dari tahun 1 hingga 6 di Sk. Cherana Puteh. Murid-murid ini mendapat pendidikan yang sama seperti murid-murid Melayu di sekolah ini dengan berlandaskan kepada kurikulum yang ditetapkan oleh KPM, iaitu KSSR. Walau bagaimanapun, pencapaian akademik murid orang Asli adalah rendah berbanding dengan murid orang Melayu. Ramai murid orang Asli masih tidak menguasai tahap minima 6D dalam pencapaian akademik.

Jadual 7 Pencapaian UPSR Murid Orang Asli Tahun 2016 -2018

TAHUN	BILANGAN MURID	MENGUASAI (sekurang-kurangnya 6D)	TIDAK MENGUASAI	TIDAK HADIR
2016	10	2 * 1B 2C 3D * 1B 5D	5	3
2017	13	2 * 1A 1B 1C 3D * 2B 2C 2D	8	3
2018	8	3 * 2A 3B 1C * 2A 1B 2C 1D * 4C 2D	5	0

Jadual 7 menunjukkan pencapaian UPSR murid orang Asli tahun 2016 hingga 2018. Keputusan UPSR tahun 2018 seramai 3 murid mendapat pencapaian lebih tinggi.

Isu-Isu Pendidikan Murid Orang Asli SKCP

Isu-isu pendidikan murid orang Asli SKCP yang utama ialah ketidakhadiran murid ke sekolah. Antara faktor penyumbang ketidakhadiran murid orang Asli ke sekolah seperti berikut:

- a. Apabila hari hujan ramai murid orang Asli tidak hadir ke sekolah kerana mereka sukar pergi ke tempat menunggu bas kerana lokasinya jauh dari rumah.
- b. Ada murid yang tertinggal bas ke sekolah kerana bas bertolak dari kg. bukit payong seawal pukul 6:00 pagi.
- c. Pada murid buah-buahan murid orang Asli tidak hadir ke sekolah kerana menjaga adik yang ditinggalkan oleh ibu bapa yang pergi ke dusun mengambil buah-buahan untuk dijual. Sebilangan kecil murid orang asli juga ada yang tidur di pondok yang terletak di dalam dusun yang jauh dari rumah mereka.

Isu seterusnya pendidikan di SKCP ialah sikap dan komitmen ibu bapa masyarakat orang asli terhadap pendidikan. Antaranya:

- i. Masih ramai lagi ibu bapa masyarakat orang Asli yang tidak mementingkan pendidikan terhadap anak-anak mereka kerana budaya dan kepercayaan mereka tidak boleh memarahi anak-anak yang tidak mahu ke sekolah pada waktu pagi kerana beranggapan rezeki tidak diperolehi pada hari tersebut.
- ii. Kebanyakan ibu bapa murid orang Asli berlatarbelakangkan pendidikan setakat sekolah rendah dan tidak melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah. Oleh itu, mereka masih berpendapat pendidikan kurang penting dalam kehidupan.
- iii. Tiada suri teladan yang berjaya dalam pendidikan dalam kalangan masyarakat orang Asli di Kg. Bukit Payong yang boleh menjadi contoh kepada anak-anak.

Isu pendidikan seterusnya adalah sikap murid di SKCP dalam menerima pendidikan di bilik darjah adalah seperti berikut:

- a. Kebanyakan murid Orang Asli kurang berdaya saing untuk maju dalam pendidikan kerana sikap mereka yang malas belajar, mengulang kaji pelajaran di rumah dan menyiapkan kerja sekolah.
- b. Tiada kesinambungan pelajaran yang diajar di sekolah semasa di rumah. Murid tidak membuat latihan atau kerja sekolah yang dibekalkan oleh guru untuk disiapkan di rumah.
- c. Murid orang Asli masih mempunyai sikap malu yang tinggi dan kurang berkeyakinan terhadap kebolehan mereka dalam akademik.
- d. Tahap kesedaran tentang kepentingan pendidikan masa kini masih terlalu rendah dalam kalangan murid orang Asli walaupun telah menerima pelbagai program motivasi dan insentif.

Selanjutnya, isu pendidikan anak orang Asli dalam pendidikan adalah kekangan kewangan.

- a. Dari segi kewangan masyarakat orang Asli bergantung sepenuhnya kepada pihak kerajaan. Mereka beranggapan bayaran persekolahan anak-anak ditanggung oleh pihak kerajaan sepenuhnya.
- b. Bantuan kewangan yang disalurkan oleh pihak kerajaan tidak mencukupi untuk menampung bayaran persekolahan masa kini.
- c. Masa penerimaan wang bantuan lambat dan menyukarkan pihak sekolah untuk menjalankan aktiviti dan program yang menjurus kepada pendidikan anak-anak. Contohnya bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) tahun 2019 diberi kepada ibu bapa murid orang Asli pada bulan Julai.

Seperkara lagi tentang isu pendidikan anak orang Asli ialah peranan pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di negeri Melaka. JAKOA negeri Melaka mempunyai kakitangan yang terhad untuk berkhidmat untuk anak orang Asli di seluruh negeri Melaka. Dapatan temu bual bersama pengurusan sekolah menyatakan:

- i. Pihak JAKOA yang bertanggungjawab terhadap masyarakat Orang Asli kurang memainkan peranan dalam kemajuan pendidikan murid Orang Asli. Pihak JAKOA kurang memantau dan mengambil tahu tentang kemajuan pendidikan murid. Hal ini terbukti mereka tidak pernah ke sekolah untuk membincangkan tentang kemajuan pendidikan murid orang Asli di sekolah ini.
- ii. Pihak JAKOA tidak melaksanakan program untuk meningkatkan prestasi akademik murid dari Tahun 1 hingga 6, sedangkan mereka sedia maklum tentang pencapaian murid Orang Asli yang lebih rendah berbanding murid Melayu.
- iii. Selain itu, bantuan RM 80.00 yang disalurkan oleh pihak JAKOA untuk bayaran persekolahan tidak mencukupi dan lambat dibayar.

Keciciran Murid Orang Asli SKCP

Keciciran murid Orang Asli tamat darjah 6 tetapi tidak menyambung ke tingkatan 1 bagi negeri Melaka bagi tahun 2019

Jadual 8 *Keciciran Murid Orang Asli Tamat Darjah 6 Bagi Negeri Melaka*

BIL	DAERAH	BILANGAN TAMAT	BILANGAN	BILANGAN
		DARJAH 6 TAHUN	MENDAFTAR TING 1	
		2018	2019	
1	ALOR GAJAH	13	12	1
2	JASIN	11	7	4
3	MELAKA	1	6	-5
	JUMLAH	25	25	0

Berdasarkan jadual 8 bilangan tamat belajar darjah 6 tahun 2018 bagi ketiga-tiga daerah bagi murid orang Asli yang tercicir negeri Melaka seramai 25 orang. Bilangan murid anak orang Asli yang mendaftar tingkatan 1 tahun 2019 ialah 25 orang

Apakah enrolmen anak-anak orang Asli di Melaka?

Dalam Jadual 9 dan Jadual 10 menunjukkan enrolmen murid orang Asli Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah mengikut peringkat pengajian tahun 2019 bagi negeri Melaka. Dapatan menunjukkan masalah keciciran anak orang Asli adalah kosong.

Jadual 9 *Enrolmen Murid Orang Asli Sekolah Rendah Mengikut Peringkat Pengajian Tahun 2019 Negeri Melaka*

Bil	DAERAH	SEKOLAH RENDAH			
		BIL SEKOLAH	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
1	ALOR GAJAH	13	69	81	150
2	JASIN	22	61	51	112
3	MELAKA TENGAH	15	24	22	46
JUMLAH		50	154	154	308

Jadual 10 *Enrolmen Murid Orang Asli Sekolah Menengah Mengikut Peringkat Pengajian Tahun 2019 Negeri Melaka*

Bil	DAERAH	SEKOLAH MENENGAH			
		BIL SEKOLAH	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
1	ALOR GAJAH	9	20	42	62
2	JASIN	4	23	22	45
3	MELAKA TENGAH	8	17	16	33
JUMLAH		21	60	80	140

Jadual 9 dan jadual 10 menunjukkan Enrolmen Murid Orang Asli Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Mengikut Peringkat Pengajian Tahun 2019 bagi Negeri Melaka, jumlah murid orang Asli di sekolah rendah di negeri Melaka adalah seramai 308 orang manakala murid orang Asli di sekolah menengah adalah seramai 140.

Bagaimana Mengatasi Permasalahan Pendidikan Anak-Anak Orang Asli di SK Cherana Puteh, Melaka?

Ketidakhadiran ke Sekolah

Pihak sekolah menjalankan program Jalinan Kasih dengan memanggil ibu bapa dan murid ke sekolah diperjelaskan tentang pentingnya pendidikan untuk anak-anak mereka. Pihak sekolah membenarkan murid orang Asli lambat datang ke sekolah bagi memujuk mereka hadir ke sekolah.

Tidak Bersekolah

Pihak sekolah masuk ke kampung orang Asli dan memberi penerangan kepada ibu bapa dari rumah ke rumah untuk memujuk anak mereka mendaftar ke sekolah. Setiap tahun pihak sekolah terpaksa memberi penjelasan tentang kepentingan mendaftar anak orang Asli yang layak masuk ke sekolah. Bagi murid lepasan UPSR tahun 6, murid anak orang Asli dibantu mendaftar diri ke tingkatan 1 sekolah menengah. Anak orang Asli yang hadir ke sekolah menengah, pihak sekolah melalui JAKOA akan memberi duit belanja setiap hari berjumlah RM2.00.

Sikap dan Sifat Malu

Antara sifat semula jadi anak Orang Asli adalah sifat malu yang tinggi terutama murid perempuan. Mereka sedar pencapaian akademik mereka rendah manakala cara hidup mereka ketinggalan. Pihak sekolah mengadakan program menghias dan membersihkan diri supaya penampilan diri mereka lebih baik. Setiap anak murid orang Asli dididik berpakaian kemas seperti anak murid yang lain.

Membina Hubungan Sirahtulrahim

Pihak sekolah akan menziarahi rumah jika ada anak orang Asli atau ibu bapa mereka yang sakit. Dengan cara ini, mereka akan merasa diri dihargai dan diingati oleh pihak sekolah. Program ini dinamakan Ziarah Kasih sebagai tanda prihatin kepada ibu bapa anak orang Asli yang jatuh sakit.

Segala usaha dilakukan untuk mencapai KPI dari PPD Sekolah dan JPM Melaka sentiasa mendapat sokongan yang lemah. Pihak sekolah sentiasa memohon masyarakat tidak memandang hina sikap dan pendidikan anak yang rendah. Bukan simpati yang dilontarkan tetapi empati yang pihak sekolah inginkan.

Kesimpulan

Bermula tahun 2006 pihak KPM telah mengadakan Program Kelas Intervensi Anak Orang Asli (KIA 2M) berkaitan masalah ketidakhadiran mereka ke sekolah. Sebanyak 97 sekolah orang Asli dijadikan anak-anak angkat bagi 27 Institut Pendidikan Guru di Malaysia. Peningkatan pencapaian akademik dalam kalangan anak-anak Orang Asli adalah tinggi dan meningkat. Segala bantuan kewangan dan barangan disalurkan agar mereka ada kesedaran untuk pergi ke sekolah. Guru pula telah dilatih oleh pensyarah untuk meningkat kualiti pedagogi kecemerlangan pendidikan anak-anak murid orang Asli. Walau bagaimanapun, masih ada isu-isu pendidikan murid orang Asli yang masih tidak ke sekolah dan ketidakhadiran ke sekolah untuk menerima pendidikan arus perdana. Jika murid orang Asli 100 peratus hadir ke sekolah seperti sekolah arus perdana harian biasa, sudah tentu prestasi dan pencapaian akademik sama seperti anak murid sekolah harian dan menengah biasa.

Rujukan

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1964). Kamus Inggeris-Melayu Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun, M., & Fauzi, M. (2006). Kemiskinan bandar: kajian kes masyarakat Orang Asli di negeri Perak.
- Hasan Mat Nor. (1998). Warga pribumi menghadapi cabaran pembangunan. Kertas Kadangkala, 8. Jabatan Antropologi & Sosiologi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2011). Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011 - 2015. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Jabatan Kemajuan Orang Asli.
- JAKOA. (2010). Sistem Maklumat e-Damak. JHEOA. (1990). Data Tanah. Kuala Lumpur: Kementerian Dalam Negeri.
- Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah. (2007). Pembangunan mapan Orang Asli. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. Kamus Dwibahasa. (1997). Kuala Lumpur: Pearson, Malaysia.
- Mustaffa Omar. (2004). Dampak ekonomi daripada rancangan penempatan semula komuniti Jakun di Mukim Bekok, Segamat, Johor. Kertas Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan Peringkat Kebangsaan. Unit of Research Development & Commercialization (URDC), UiTM Johor.
- Nicholas, C. (2000). The Orang Asli and the contest for resources. Indigenous Politics, Development And Identity In Peninsular Malaysia. Copenhagen. Denmark: International Work Group For Indigenous Affairs.
- Sunaidin San Ka Chang. (1997). Ke arah peningkatan taraf hidup penduduk Orang Asli Simpang Arang dalam konteks pembangunan Bandar Nusajaya. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Siti Nor Awang & Juli Edo. (2003). Isu Pembangunan dan dampak sosial dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Mohd Razali Agus & Yahya Ibrahim (pnyt.). Penilaian Dampak Sosial (hal. 278-290). Klang: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Tunisan Seman. (2002). Kajian sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli: kajian kes terhadap masyarakat Orang Asli di Penempatan Batu 12, Gombak: Selangor. Undang-Undang Malaysia Akta 134. (1974). (Akta Orang Asli 1954 disemak 1974).
- Zahid Emby, Ma'arof Redzuan, Ghazali Basri, dan Abdul Halim Hamid. (1996). Rancangan pengumpulan semula: kesannya ke atas masyarakat dan budaya Orang Asli di Perak. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.